

lokal



AMYZA menunjukkan dokumen tuntutan dibuatnya.

## Amyza saman peguam pelakon Zarina Anjoulie

**Shah Alam:** Pelakon Amyza Aznan mengemukakan notis tuntutan permohonan maaf dan ganti rugi RM5 juta terhadap peguam, Nurul Hafidzah Hassan yang mewakili pelakon Zarina Anjoulie, semalam.

Ia susulan tindakan Hafidzah yang mengeluarkan kenyataan berunsur tohmahan dan fitnah yang jelas merosakkan reputasi Amyza sebagai artis di media sosial miliknya dan laporan media.

Dalam notis disampaikan melalui The Law Chambers of Fauzi & Naseer itu, Amyza menuntut permohonan maaf dalam tempoh tujuh hari serta bayaran ganti rugi kerosakan.

Peguamnya, Naseer Yusof berkata, permohonan maaf itu perlu dilakukan di media sosial, penerbitan media serta sidang akhbar dan selepas itu baru budi bicara dilakukan terhadap tuntutan ganti rugi itu.

"Jika ia tidak dilakukan dalam tujuh hari, maka kami memfailkan saman di mahkamah," katanya.

Naseer bersama seorang lagi peguam, Fauzi Abdul Samad dan Amyza hadir ke pejabat Hafidzah di sini untuk menghantar notis itu, semalam. Bagaimanapun, Hafidzah tiada di pejabat dan notis itu diserahkan kepada kakitangannya. Amyza berkata, antara kenyataan

fitnah dikeluarkan Hafidzah menerusi laporan media terbitan adalah mengatakan tindakan Amyza dan pelakon, Emelda Rosaila sebagai kempen pembunuhan karakter terhadap Zarina yang berniat jahat.

"Tuntutan ini dibuat bagi membersihkan nama. Selama ini semua sedia maklum saya ada rekod bersih dalam industri hiburan."

"Kenyataan Hafidzah menjejaskan reputasi saya dalam bidang seni. Apa yang dikatakan peguam itu penghinaan dan fitnah. Ini usaha saya untuk terus bertahan dalam industri seni hampir lebih dua dekad," katanya.

## Datuk Boy Iman diisytihar muflis



**Kuala Lumpur:** Pelakon yang juga ahli perniagaan, Datuk Boy Iman, 40, diisytihar muflis oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, berkuat kuasa semalam.

Pengisytiharan muflis itu diputuskan mahkamah berikutan kegagalan Boy Iman atau nama sebenarnya Noruliman A Rahman selaku penguatkuasaan penghakiman melunaskan tuntutan lebih RM60,000 dibuat seorang individu pada pertengahan tahun lalu.

Peguam Hizri Hassshan yang mewakili pemiutang selaku pihak yang memfailkan tuntutan memaklumkan Boy Iman menerusi syarikatnya, DBI Technology Sdn Bhd melancarkan program pembinaan rumah mampu milik dikenali DBI Homes sekitar 2017.

"Anak guam kami menyertai program itu untuk pembinaan rumah jenis Iham dengan kos RM50,000. Malah, pembayaran penuh dibuat anak guam."

"Pembinaan rumah itu sepatutnya siap dalam tempoh enam bulan namun projek tidak menjadi dan pemiutang yang menyedari sudah ditipu mahu membatalkan kontrak dan meminta Boy Iman membuat pemulangan wang."

"Boy Iman terus mendiamkan diri dan anak guam kami mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut hak serta pembelaan ke atas dirinya kerana menjadi mangsa scam," katanya.

Menurut Hizri, tuntutan kes yang berlangsung dari 2019 itu diselesaikan semalam apabila mahkamah memutuskan Boy Iman diisytihar muflis.

Oleh Najiy Jefri najiy.jefri@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**"B**ella dalam keadaan baik," kata pembantu pengurus pelakon popular Indonesia, Laudya Cynthia Bella, Syahnaz Sofinar kepada Harian Metro.

Syahnaz ketika dihubungi di Jakarta semalam turut memohon semua peminat menitipkan doa terbaik buat Laudya yang mesra disapa Bella itu.

Sebelum itu, Bella, 32, mengesahkan dia bercerai dengan Engku Emran Engku Zainal Abidin, 45, semalam sekali gus menjawab teka-teki status perkahwinan mereka.

Dalam satu kiriman video secara eksklusif kepada Harian Metro, Bella berkata, dia memerlukan sokongan semua pihak dan mendoakan dirinya kuat

## 'Saya perlu sokongan'

### Bella, Engku Emran sepakat buat keputusan berpisah

melalui ujian itu.

"Saya mohon maaf kalau ada kata-kata atau sikap saya kurang menyenangkan. Saya perlu sokongan dari semua teman dan mohon doakan saya," katanya.

Sofinar berkata, video itu diharap menjelaskan segala spekulasi berhubung rumah tangga pasangan itu sejak beberapa minggu lalu.

"Semoga kiriman video ini menjawab pertanyaan teman media dan dipergunakan sebaiknya. Terima kasih atas perhatian dan

sokongan," katanya.

Dalam video berdurasi kira-kira dua minit itu, Bella berkata, keputusan perceraian itu dibuat secara sepakat di antara kedua-dua pihak.

"Dua tahun beliau jadi suami saya, banyak kebaikan, hikmah dan pembelajaran saya peroleh. Insya-Allah semua itu saya jadikan bekalan, boleh saya simpan untuk menjadi wanita lebih baik," katanya.

Kisah pergolakan rumah tangga pelakon filem Syurga Yang Tak Dirindukan itu menarik perhatian umum selepas mereka tidak lagi memuat naik gambar bersama sejak tahun lalu.

Malah, tindakan Bella yang mahu menjual satu banglo miliknya di Jakarta Selatan menguatkan lagi spekulasi itu.

Selain itu, Bella dan Engku Emran juga tidak saling mengikut di Instagram masing-masing.

Pasangan ini melangsungkan pernikahan di Kuala Lumpur pada 8 September 2017.

Pasangan ini juga tidak dikurniakan anak.

Sementara itu, usaha Harian Metro menghubungi Engku Emran bagi mendapatkan reaksinya gagal apabila mesej WhatsApp tidak dibalas.

## Niesa tumpang bersedih

**Kuala Lumpur:** Pengurus artis Niesa Khalil yang juga individu pertama menemani pelakon Indonesia, Laudya Cynthia Bella, 32, dating dengan ahli perniagaan Engku Emran Engku Zainal Abidin, 45, pada 2017 sedih dengan berita perceraian pasangan itu, semalam.

Niesa yang juga kenalan Bella di negara ini berkata, dia mendapat banyak mesej peribadi (DM) di Instagram bagi mendapatkan kesahihan cerita disiarkan.

"Siapa tak sedih, kalau boleh tak nak perkara sebegini berlaku. Namun, jika sudah takdir Allah tiada siapa boleh halang. Saya tidak mahu tahu apa-apa, ia sudah tertulis."

"Saya pun tahu berita ini pagi tadi (semalam) selepas dihujani mesej peribadi di Instagram. Saya sebolehnya tidak mahu komen lanjut," katanya, semalam.

Menurut Niesa, dia juga belum menghubungi pelakon itu bagi menghormati privasi dan situasi Bella.

"Saya rasa bukan masa sesuai kerana bukan mudah berdepan situasi sebegini."

"Sebelum ini pun saya tak pernah tanya apa-apa. Bimbang dia tak okey dan nanti salah bual pula," katanya.



"  
Saya rasa sekarang bukan masa sesuai kerana bukan mudah berdepan situasi sebegini  
Niesa Khalil

